



PP00002315

NAMA : Shaharuddin B. Yahya

K/P PERSEKUTUAN: A 1474953

K/P ITM : 88057112

TAHUN AKADEMIK : 04

---

TAJUK KAJIAN : Sistem Pendidikan Pondok Dalam  
Masyarakat Melayu Kedah.

---

Institusi pondok merupakan institusi pendidikan kampung yang mengendalikan pengajian agama Islam. Sebelum perang dunia ke 2, ia merupakan pusat pendidikan yang popular dikalangan masyarakat melayu terutamanya dibahagian utara seperti Kedah, Kelantan dan Terengganu. Ia menjadi pusat ilmu yang dapat membentuk generasi Islam yang kemudiannya menjadi pemimpin masyarakat di tempat masing-masing disamping memberi ilmu kepada penduduk setempat.

Dengan adanya sistem pondok, peluang untuk menuntut ilmu menjadi lebih terbuka kepada seluruh anggota masyarakat, tidak lagi sebagaimana sebelum wujudnya pengaruh Islam dimana peluang menuntut ilmu hanya pada orang-orang tertentu sahaja.


Sebagai sebuah lnstitusi pendidikan Islam sudah tentulah kurikulum pondok menumpukan kepada bidang ilmu pengetahuan yang dirasakan boleh menguatkan lagi keimanan dan ketaqwaan umat manusia kepada kahliqnya. Oleh itu pendidikan bercorak pondok lebih menumpukan kepada ilmu makliah.


Dilihat dari segi falsafah pondok itu sendiri dimana pondok-pondok yang dibina amat sederhana bentuk dan saiznya agar pelajar-pelajar dapat menanam rasa rendah diri, hidup bersatupadu diantara satu sama lain tanpa ada perbezaan darjat, Pondok-pondok juga didirikan berdekatan agar tertanamnya konsep perpaduan, konsep jemaah dan mudah berbincang mengenai ilmu yang dipelajari. Sistem ini dengan secara tidak langsung melatih pelajar-pelajar hidup berdikari dan sentiasa mengabdikan diri kepada Allah s.w.t.

Terbukti lnstitusi pondok adalah lnstitusi pendidikan yang berjaya dizamannya, mendidik dan melahirkan masyarakat yang memandang tinggi bidang keilmuan

khususnya dalam usaha memahami ajaran Islam yang sebenarnya. Sistem pondok yang begitu menitikberatkan aspek-aspek kerohanian berjaya melahirkan insan-insan yang berakhlaq tinggi, berpendidikan keagamaan dan bertaqwa kepada Allah juga melahirkan pejuang-pejuang yang menentang kemasukan British ke Tanah Melayu seperti Tok Kenali, Abdul Rahman Limbong dan lain-lain lagi.

---

NAMA PENASIHAT : En. Amran Bin Abd Rahman  
TANDA TANGAN :   
TARIKH : 26/5/1992



# PENG- HARGAAN

## PENGHARGAAN

Syukur Alhamdullilah ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnianya telah memberi saya petunjuk dan semangat untuk menjayakan kaji selidik ini.

Ribuan terima kasih diucapkan atas sumbangan tenaga dan masa serta buah fikiran mereka-mereka yang terlibat dalam membantu saya menghasilkan kajian akhir ini dan hanya Allah s.w.t saja yang dapat memberi balasan diatas jas-jasa mereka semua.

Penghargaan dan ucapan terima kasih saya tujukan kepada mereka-mereka yang telah membantu saya dari mula hingga selesaiinya kajian ini, diantaranya ialah :

- \* Kedua ibubapa saya yang selama ini telah banyak berkorban dari segi masa, tenaga dan wang ringgit untuk melihat kejayaan saya. Semoga Allah s.w.t akan membalas segala budi baik kalian itu.
- \* Encik Amran iaitu pensyarah bagi matapelajaran 'History Of Architecture' yang telah memberi


tunjuk ajar dan panduan yang menjadi asas dan nadi kajian akhir ini.

- \* Ustaz Ismail iaitu pengetua Madrasah Nurul Hidayah, Tembak Hulu, Sg. Petani, Kedah yang telah memberi kerjasama dan bantuan dalam usaha menjayakan kajian ini.
- \* Guru-guru Madrasah Nurul Hidayah seperti Ustaz Mohd Zuhdi dan Ustaz Mohd Zainch yang telah bersusah payah membawa saya meninjau setiap ceruk rantau kawasan pondok.
- \* Encik Abu Bakar sekeluarga yang telah bermurah hati membenarkan saya bermalam di rumah beliau semasa saya berada di Sg. Petani.
- \* Makcik Jara dan pekerja-pekerjanya yang telah memberi layanan yang baik semasa saya menumpang dirumah beliau di Alor Setar.

- \* Encik Nasir yang telah bermurah hati melapangkan masa beliau membawa saya ke Muzium Negeri Kedah dan disekitar Alor Setar.
- \* Kepada Pengarah dan kakitangan Muzium Negeri Kedah yang telah memberi kerjasama dalam mendapatkan sumber-sumber rujukan.
- \* Kak Ida dan saudari Amera diatas pertolongan mereka menolong saya menyiapkan kajian ini.
- \* Akhir sekali ucapan terima kasih ditujukan teristimewa sekali buat saudari Siti Rohayani yang telah banyak peransang dan menjadi sumber inspirasi bagi saya untuk berjaya didalam hidup.

Semoga setiap usaha yang dijalankan dapat mendekatkan diri kita kepada punca segala ilmu dalam mentauhidkan diri kepada yang maha kuasa.

Waullahu'alam.



# PRAKATA

## PRAKATA

Institusi pondok merupakan institusi pendidikan kampung yang mengendalikan pengajian agama Islam. Sebelum perang dunia ke 2, ia merupakan pusat pendidikan yang popular di kalangan masyarakat Melayu terutamanya di bahagian utara Semenanjung Tanah Melayu.

Ia menjadi pusat ilmu yang dapat membentuk generasi Islam yang kemudiannya menjadi pemimpin masyarakat di tempat masing-masing. Jika di teliti pada kurikulum dan peraturan di pondok ternyata ia merupakan sebuah institusi yang hampir menepati falsafah pendidikan Islam. Terdapat lima ciri pendidikan pondok yang dapat disamakan dengan ciri-ciri pendidikan Islam sebagaimana yang diasaskan oleh Nabi Muhammad S.a.w pada zaman dahulu. Diantaranya ialah :

- a) Masjid dijadikan pusat pendidikan Islam.
- b) Pondok dan kawasannya yang memiliki alam semulajadi.

- c) Tuan Guru sebagai penggerak lnstitusi pondok.
- d) Jenis-jenis kitab yang dipelajari.

Dengan adanya sistem pondok, peluang untuk menuntut ilmu menjadi lebih terbuka kepada seluruh anggota masyarakat, tidak lagi sebagaimana sebelum wujudnya pengaruh Islam di mana peluang-peluang menuntut ilmu hanya pada orang-orang tertentu sahaja melalui penurunan nenek moyang mereka.

Sebagai sebuah lnstitusi pendidikan Islam sudah tentulah kurikulum pondok menumpukan kepada bidang ilmu pengetahuan yang dirasakan boleh menguatkan lagi keimanan dan ketaqwaan umat manusia kepada kahliqnya. Oleh itu pendidikan bercorak pondok lebih menumpukan kepada ilmu nakliyah.

Organisasi pondok diketuai oleh seorang Tuan Guru yang mempunyai kuasa autonomi dalam mengendalikan sistem pengajaran dan aturan-aturan cara hidup dipondok. Kekekalan dan kemajuan sesebuah pondok adalah sangat bergantung kepada sifat keilmuan dan kepimpinan yang ada pada mereka boleh menarik perhatian masyarakat untuk menghantar anak-anak mereka ke pondok tersebut.

Pelajar-pelajar pondok dididik dengan penuh disiplin selaras dengan ajaran Islam. Mereka diasuh hidup dalam keadaan yang sederhana dan bertanggungjawab terhadap diri sendiri. Pengajian pondok juga menekankan pada pendidikan akhlak yang tinggi.

Ini dapat dilihat dari segi falsafah pondok itu sendiri dimana pondok-pondok yang dibina amat sederhana bentuk dan saiznya agar pelajar-pelajar dapat menanam rasa rendah diri, hidup berpadu diantara satu sama lain

tanpa mengira perbezaan darjah, pondok-pondok juga didirikan berdekatan agar tertanam konsep perpaduan, konsep jemaah dan mudah berbincang mengenai ilmu yang dipelajari. Sistem ini dengan cara tidak langsung melatih pelajar-pelajar hidup berdikari dan sentiasa menyerah diri pada Allah.

Telah terbukti Institusi pondok adalah Institusi pendidikan yang berjaya dizamannya, mendidik dan melahirkan masyarakat yang memandang tinggi bidang keilmuan khususnya dalam usaha memahami ajaran Islam yang sebenarnya. Sistem pondok yang begitu menitikberatkan aspek-aspek kerohanian berjaya melahirkan insan-insan yang berakhhlak tinggi, berpendidikan keagamaan dan bertaqwa kepada Allah.

## **ISI KANDUNGAN**

---

**PENGHARGAAN**

---

**PRAKATA**

---

**SENARAI GAMBAR**

---

**BAB SATU**

1.0.0 Pengertian Pondok

1.1.0 Latarbelakang Pertumbuhan Pondok, Sejarah Dan Pengaruhnya.

1.1.1 Sejarah Perkembangan Islam di Kedah.

1.1.2 Perkembangan Pondok di Kedah.

1.1.3 Tokoh-Tokoh Ulama Negeri Kedah.

1.2.0 Kemunculan Institusi Pendidikan Secara Am.

1.2.1 Sekolah Melayu

1.2.2 Sekolah Rakyat

1.2.3 Sekolah Pondok

---

## BAB KEDUA

2.0.0 Pendekatan

2.1.0 Ciri-ciri Pondok Sebagai Satu Institusi

2.1.1 Guru Pondok

2.1.2 Murid-murid Pondok

2.1.3 Tujuan Pendidikan

2.1.4 Sistem Pembelajaran

2.2.0 Pondok Sebagai Satu Komuniti

3.3.0      Pentadbiran Pondok

3.3.1      Cara Kemasukan Dan Bayaran

3.3.2      Pembahagian Kelas

3.3.3      Masa Belajar Dan Cuti

3.3.4      Peraturan

3.3.5      Sumber Kewangan

3.4.0      Lulusan Pondok

3.5.0      Struktur Fizikal

---

## **BAB KEEMPAT**

**4.0.0      Masalah Dan Cadangan**

**4.1.0      Masalah Kewangan**

**4.1.2      Pencapaian Akademik**

**4.1.3      Struktur Fizikal**

**4.1.4      Lulusan Pondok**

**4.1.5      Tenaga Pengajar**

**4.2.0      Cadangan**

---

## **KESIMPULAN**

---

## **BIBLIOGRAFI**

---

## SENARAI GAMBAR

---

### BAB SATU

---

Rajah 1 : Menunjukkan gerakan penuntut-penuntut pondok

---

### BAB TIGA

---

Lakaran 1 : Zon-zon yang terdapat di Madrasah Nurul Hidayah.

Gambarfoto 1 : Madrasah Nurul Hidayah dilihat dari pandangan hadapan.

Gambarfoto 2 : Kedudukan Surau di bahagian belakang pondok lelaki.

Gambarfoto 3 : Tingkat atas bangunan Madrasah dijadikan surau.

Gambarfoto 4 : Tingkat bawah dijadikan kelas-kelas untuk pelajar peringkat rendah dan pertengahan.

Gambarfoto 5 : Papan lapis dijadikan sebagai pembahagi kelas diantara pelajar lelaki dan perempuan.

Gambarfoto 6 : Pelajar-pelajar duduk diatas lantai yang dialas dengan tikar.

Gambarfoto 7 : Tempat belajar bagi pelajar-pelajar peringkat tinggi.

Gambarfoto 8 : Ruang utama surau dijadikan kelas apabila tidak digunakan.

Gambarfoto 9 : Tempat mandi bagi pelajar-pelajar lelaki.

Gambarfoto 10: Perigi yang digunakan oleh pelajar-pelajar perempuan.

Gambarfoto 11: Tempat simpanan air dilingkungi dengan tembok untuk mengelakkan binatang dari mencemarinya.

Gambarfoto 12: Kawasan penempatan untuk pelajar-pelajar lelaki.

Gambarfoto 13: Jalan masuk ke bangunan utama.

Gambarfoto 14: Bahan-bahan binaan untuk pondok.

Gambarfoto 15: Tempat penginapan bagi pelajar-pelajar perempuan.

Gambarfoto 16: Pondok-pondok dibina rapat-rapat untuk menanamkan semangat ukhwah diantara pelajar.

Gambarfoto 17: Kawasan pondok dikelilingi pokok-pokok.

Gambarfoto 18: Kedudukan pondok disusun secara rawak untuk memudahkan peredaran udara.

Gambarfoto 19: Pandangan dalam pondok.

Gambarfoto 20: Bangunan utama dijadikan surau dan kelas-kelas.

Gambarfoto 21: Tempat mengambil wuduk.

Gambarfoto 22: Tandas yang terdapat pada bangunan utama.

---

#### BAB EMPAT

---

Gambarfoto 23: Kedudukan pondok yang agak rapat boleh memudahkan api merebak bila berlaku kebakaran.

Gambarfoto 24: Tiang-tiang konkrit yang dibina oleh pelajar-pelajar UTM.


Gambarfoto 25: Projek pembinaan asrama pelajar perempuan yang terbengkalai.

Gambarfoto 26: Telaga air yang digunakan sebagai sumber minuman.

---

Keratan Ahkbar : Trajedi kebakaran yang berlaku Sekolah Agama Taufiqiah Al-Halimiah.

---



# BAB SATU

## PENGERTIAN PONDOK

Institusi pondok merupakan sebuah institusi pembelajaran yang unik dan berusia lebih satu abad di Nusantara.

Perkataan pondok dikatakan berasal dari perkataan Arab "Fondog" yang bererti hotel atau tempat menumpang sementara yang menggambarkan sistem dimana murid-murid mendirikan pondok tempat tinggal mereka yang sementara di sekeliling rumah "Tok Guru" pondok, manakala di dalam bahasa Jawa pula, pondok bermakna Madrasah dan Asrama yang menjalankan pengajian agama Islam.

Dari segi pengertian pula, terdapat 2 makna yang berbeza iaitu:

- a) Rumah kecil yang berfungsi dalam jangkamasa sementara dan serba ringkas.
- b) Institusi pembelajaran Islam yang menyeluruh berbentuk tradisional dan ortodok dalam memberi pendidikan seumur hidup.

Dalam kontek kajian pula, pondok boleh diertikan sebagai satu Institusi pendidikan kampung yang memusatkan pengajian dalam ilmu agama Islam dan dikendalikan oleh seorang " Tok Guru " yang arif yng hal ehwal agama Islam dan diakui kebolehannya oleh masyarakat.

Kesimpulannya, boleh dikatakan bahawa sistem pendidikan pondok adalah berdasarkan kepada agama Islam dan mendidik murid-mudrid di dalam bidang :

- a) Agama
- b) Ilmu
- c) Amal

Yang mana ketiga-tiga aspek tersebut adalah termasuk dalam Ad din Islam.

#### CIRI-CIRI

Konsep dan falsafah sekolah pondok ialah memberi pelajaran seumur hidup tanpa mengira usia dan darjat.

pembelajaran biasanya dilakukan dalam dua bentuk iaitu "Formal dan" Non-formal". Iaitu boleh dikategorikan kepada tiga bahagian iaitu:

- a) Pendidikan yang bersumberkan sejarah agama Islam yang bertujuan memberi pelajaran dari segi mental dan ideologi sebagai bekalan bila kembali ke masyarakat umum kelak kelak.
- b) Sistem kehidupan yang bersifat sosial dan perasaan bergotong-royong bagi menanam semangat ukhwah dan setiakawan yang tinggi tanpa mengira perbezaan darjat.
- c) Pembahagian masa untuk satu-satu aktiviti seperti kuliah adalah berdasarkan pada waktu-waktu sembahyang.

#### 1.1.0 LATARBELAKANG PERTUMBUHAN PONDOK

Ia bermula apabila terdapatnya Tok Guru - Tok Guru yang berkebolehan dalam bidang agama. Apabila masyarakat mengetahui tentang kebolehan tersebut, mereka ingin